

NAMA : _____

KELAS :

Arahan : Tuliskan jawapan anda, sama ada A, B, C atau D di kotak yang disediakan.


Soalan 1 hingga 10

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 Petugas kaunter : Boleh saya bantu kamu?
Pemuda : Jika _____ ingin mengirim bungkusan ini,
_____ bayaran yang dikenakan?
A saya ... berapakah
B mereka ... apakah
C kami ... di manakah
D awak ... bagaimanakah
- 2 Amirul asyik memerhatikan cahaya _____ yang berterbangan berhampiran khemahnya pada waktu malam.
A rama-rama
B kupu-kupu
C riang-riang
D kunang-kunang
- 3 Jelas kelihatan ikan-ikan berenang di dalam sungai kerana airnya jernih _____.
A agak
B amat
C terlalu
D paling
- 4 Swee Lan gagal menghantar e-mel kerana _____ Internet di kawasan itu kurang baik.
A tercapaian
B mencapai
C capaian
D dicapai

- 5 Pemuda itu merupakan jurutera yang berpengalaman _____ dalam bidang kejuruteraan elektrik.
- A kukuh
 - B tinggi
 - C jauh
 - D luas

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



- 6 Kapal peronda itu _____ bot nelayan asing yang menceroboh kawasan perairan Malaysia.
- A menunda
 - B membawa
 - C memandu
 - D menolak

- 7 Pendengar berasa terhibur dengan celoteh _____ radio itu setiap pagi.
- A juruacara
 - B jurucakap
 - C juruhebah
 - D jurubahasa
- 8 Filem P. Ramlee _____ mendapat sambutan walaupun telah ditayangkan berulang kali.
- A harus
 - B masih
 - C sudah
 - D hendak

Soalan 9 dan 10

Pilih peribahasa yang sesuai.

- 9 Usahlah bersikap seperti _____, hanya bercakap banyak tetapi sebenarnya tidak mempunyai ilmu.
- A tin kosong
 - B mulut murai
 - C bertih digoreng
 - D mulut tempayan
- 10 Suzana merupakan anak tunggal Encik Said. Dia diberikan sepenuh kasih sayang ibarat _____.
- A bulan jatuh ke riba
 - B cincin dengan permata
 - C air dicencang tiada putus
 - D menatang minyak yang penuh

11

Selepas majlis keraian diraja itu tamat, Puteri Sofea yang sangat mengantuk segera berangkat ke kamarnya.

Berdasarkan situasi bagi rangkai kata bergaris dalam ayat di atas, apakah yang akan dilakukan oleh Puteri Sofea selepas itu?

- A bersantap
- B beradu
- C bersiram
- D berkenan

- 12 Hang Tuah adalah antara pahlawan Melayu yang terbilang pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Pilih perkataan sinonim bagi terbilang.

- A terpuji
- B tertangkas
- C termasyhur
- D teristimewa

- 13 Penebangan hutan yang berleluasa akan menyebabkan haiwan liar semakin pupus.

Pilih perkataan antonim bagi pupus.

- A hilang
- B kekal
- C kukuh
- D lenyap

- 14 Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya yang diberikan.

Siapakah yang memimpin orang tua itu untuk menyeberang jalan?

- A Sazlan dan orang tua itu berpimpinan tangan untuk menyeberang jalan.
- B Sazlan telah dipimpin oleh orang tua itu untuk menyeberang jalan.
- C Ya, orang tua itu menyeberang jalan sambil dipimpin oleh Sazlan.
- D Sazlan yang memimpin orang tua itu untuk menyeberang jalan.

Soalan 15 dan 16

Pilih ayat yang betul.

- 15 A Rumah yang baru dibeli oleh Amin terletak antara pejabat pos dan sekolah.
B Murid akan didenda jika sekiranya lambat memulangkan buku yang dipinjam.
C Berita terkini tentang keadaan banjir yang melanda negara disiarkan dari semasa ke semasa.
D Farid sanggup berkorban demi untuk menyara adik-adiknya yang masih kecil.
- 16 I Sebagai ketua kelas itu, Zainab berharap agar sikap bekerjasama dan saling hormat-menghormati patut diamalkan.
II Bunga yang kekuningan seperti emas itu mencantikkan kawasan peranginan tersebut.
III Daun pegaga mempunyai pelbagai khasiat dan boleh dijadikan ulam.
IV Tiap hari dia akan bangun awal dan mengemas biliknya.
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Soalan 17

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

- 17 “Saya berharap agar murid-murid sentiasa menjaga nama baik sekolah dengan belajar bersungguh-sungguh,” kata Cikgu Badrul dalam ucapannya.
A Cikgu Badrul yang menyampaikan ucapannya berharap agar murid-murid dapat mengharumkan nama sekolah melalui kesungguhan belajar.
B Semasa berucap, Cikgu Badrul mendesak murid-murid supaya memelihara nama baik sekolah dengan belajar bersungguh-sungguh.
C Dalam ucapannya, Cikgu Badrul mengharapkan murid-murid sentiasa menjaga nama baik sekolah dengan belajar bersungguh-sungguh.
D Cikgu Badrul berharap agar murid-murid yang menjaga nama baik sekolah dapat belajar bersungguh-sungguh.

Soalan 18 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) merupakan proses pengaliran, penyebaran, pemprosesan dan penyimpanan maklumat dengan menggunakan perantaraan teknologi. Teknologi ini merangkumi penggunaan komputer, telefon bimbit, Internet, sistem satelit, mesin faksimile dan seumpamanya dalam penyampaian maklumat kepada penerima.

Penggunaan TMK *memberikan manfaat* kepada manusia terutamanya dalam bidang pendidikan. Tugas mengajar kini menjadi lebih mudah, cepat dan berkesan. Penerimaan ilmu tidak lagi melalui perantaraan guru dengan murid sahaja, malah boleh dilakukan dengan menggunakan komputer.

Selain itu, penguasaan kemahiran TMK memudahkan kita berurusan. Kita boleh menghubungi saudara-mara dan sahabat handai dengan menggunakan telefon bimbit dan mel elektronik atau e-mel. Telefon bimbit mudah dibawa manakala e-mel mudah diakses dan lebih pantas daripada penghantaran surat melalui pos. Internet pula membolehkan kita melayari laman sesawang untuk memperoleh maklumat, membayar bil, mengurus niaga dan sebagainya.

Di samping itu, penggunaan sistem satelit membolehkan kita meramal cuaca dan bencana alam dengan lebih tepat dan terperinci. Banjir, ribut taufan, tsunami dan gempa bumi adalah antara contoh bencana alam yang sering berlaku. Dengan bantuan satelit, sekurang-kurangnya kita boleh membuat persediaan awal untuk mengelakkan kerugian harta benda dan kehilangan nyawa.

18 Antara yang berikut, yang manakah **bukan** teknologi dalam TMK?

- A Surat
- B Internet
- C Sistem satelit
- D Mesin faksimile

- 19 Antara kelebihan penggunaan satelit ialah kita dapat
- A mengelakkan gempa bumi.
 - B meramal ribut taufan.
 - C menghalang banjir.
 - D mengubah cuaca.
- 20 Rangkaian kata *memberikan manfaat* dalam petikan bermaksud
- A menyampaikan pengetahuan.
 - B mendatangkan faedah.
 - C membawa perubahan.
 - D membuka peluang.

BAHAGIAN A TAMAT